



Anwar menerima kunjungan hormat Yi di Georgetown yang dalam rangka lawatan rasmi 2 hari di Malaysia, semalam. (Foto bernama)

Malaysia, China pererat kerjasama pertahanan 2 hala

Anwar adakan pertemuan empat mata dengan Wang Yi

Georgetown: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat Menteri Luar China, Wang Yi, semalam, yang mengadakan lawatan ke Malaysia dalam usaha meningkatkan kerjasama pertahanan dua hala.

Yi yang juga ahli Biro Politik Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China (PKC) dalam kunjungan itu mengadakan pertemuan empat mata dengan Anwar yang berlangsung 25 minit dari jam 3.17 petang di Hotel Eastern and Oriental, di sini.

Anwar dan Yi kemudian turut mengadakan mesyuarat bersama Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Seri Tiong King Sing; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang; dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow.

Pertemuan itu menandakan kepentingan hubungan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara yang menyaksikan China kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia sejak 2009, dengan jumlah perdagangan sebanyak AS\$110.6 bilion (RM488 bilion) pada 2022.

China adalah pelabur langsung

asing terbesar di Malaysia tahun lalu dengan pelaburan AS\$12.5 bilion (RM55.16 bilion).

Jumlah eksport ke China meningkat 9.4 peratus kepada RM210.62 bilion (AS\$47.84 bilion) pada 2022, manakala import dari China menyaksikan peningkatan 20.7 peratus kepada RM276.50 bilion (AS\$62.78 bilion) pada tahun sama.

50 tahun jalin hubungan

Tahun ini adalah ulang tahun ke-10 Perkongsian Strategik Komprehensif Malaysia-China dan kedua-dua negara juga akan menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik tahun depan, menandakan persahabatan yang lama terjalin dan kerjasama mantap dalam pelbagai sektor.

Sementara itu, Wisma Putra dalam kenyataan, berkata lawatan keenam Wang ke negara ini selaku Menteri Luar akan memberi peluang terbaik kepada kedua-dua pihak untuk berbincang dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

“Lawatan ini juga akan mengukuhkan lagi hubungan strategik antara kedua-dua negara, merangkumi pelbagai bidang kerjasama untuk manfaat bersama,” katanya.

Wang yang juga Pengarah Pejabat Suruhanjaya Hal Ehwal Luar akan mengadakan mesyuarat dengan Zambry.

BERNAMA